

YAYASAN NEGERI SEMBILAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputera/bukan bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

SEBUT HARGA PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN DI BLOK 1, 2 & 3 DI LADANG AIR BANING, DAERAH JELEBU MENGGUNAKAN BAJA ORGANIK

NO. SEBUT HARGA	SIJIL / LESEN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
YNS/SH/14/2026	SSM & Kementerian Kewangan Malaysia 070101	<p style="text-align: center;">18 MEI 2026 (ISNIN) 11.00 Pagi</p> <p style="text-align: center;">LALUAN UTAMA LADANG AIR BANING</p> <p style="text-align: center;">PESERTA DIKEHENDAKI BERADA DI KOORDINAT 3.064718, 102.220336 (SIMPANG MASUK KE LADANG) 3.058474, 102.194893 (PINTU MASUK LADANG)</p> <p style="text-align: center;">PESERTA DINASIHATKAN UNTUK MENGGUNAKAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4WD) SEPERTI HILUX BAGI TUJUAN MEMASUKI KAWASAN LADANG</p> <p style="text-align: center;">(SILA BAWA BERSAMA COP RASMI SYARIKAT SEMASA LAWATAN)</p>	<p style="text-align: center;">25 MEI 2026 (ISNIN)</p> <p style="text-align: center;">(Sebelum 12.00 Tengah Hari)</p>

1. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mengambil dokumen: -

Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA, KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA KOD BIDANG 070101**.

2. Satu (1) salinan sijil-sijil di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **Yayasan Negeri Sembilan**. **Yayasan Negeri Sembilan** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **Yayasan Negeri Sembilan** tidak layak.

3. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Perkhidmatan di atas tanggungjawab pembekal.

4. **Yayasan Negeri Sembilan** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **Yayasan Negeri Sembilan** berhak membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Perkhidmatan** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah:-

Pengarah

Yayasan Negeri Sembilan
 Tingkat 11, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
 Jalan Yam Tuan
 70000 Seremban

Pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

6. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul **12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

7. Dokumen sebut harga boleh dibeli di kaunter Bahagian Kewangan Yayasan Negeri Sembilan, Tingkat 11 dengan bayaran berjumlah **RM50.00**. Sebarang pertanyaan berkenaan dokumen sebut harga boleh menghubungi Pn. Siti Adibah Binti Adnan atau En. Imran Bin Omar di talian 06-762 8046 / 06-4545458.